

**Raja Permaisuri Agong Terima Kunjungan Hormat Puspanita
Bernama
05 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah pada Isnin menerima kunjungan hormat anggota jawatankuasa kerja tertinggi Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) di Istana Terengganu di sini.

Rombongan 14 anggota itu diketuai Yang Dipertua Puspanita Puan Sri Wan Noorlina Wan Hussin.

Seri Paduka Baginda meluangkan masa selama setengah jam beramah mesra bersama tetamu dan juga dipersembahkan dengan cendera kenangan.

Ia merupakan lawatan rasmi Puspanita sempena tamat tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku Nur Zahirah sebagai Raja Permaisuri Agong yang ke-13.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631885>